

TARIKH: 17/1/2023

SURAT KHABAR: HARIAN METRO

MUKA SURAT:

Jumlah suri rumah carum SKSSR rendah

Seremban: Selain daripada senarai individu yang berdaftar dengan e-Kasih, dianggarkan hanya 6,000 suri rumah mencarum sendiri di bawah Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) setakat ini.

Menteri Sumber Manusia V Sivakumar berkata, jumlah itu masih rendah berbanding jumlah suri rumah yang layak di seluruh negara seramai kira-kira 3 juta orang.

“Skim ini terbuka untuk semua suri rumah. Yang e-Kasih ditaja oleh kerajaan, caruman sudah di-

buat kerajaan kepada mereka yang tersenarai di bawah e-Kasih.

“Selepas dikuatkuasakan pada 1 Disember 2022, setakat ini dianggarkan 6,000 sudah berdaftar, bukan dalam senarai e-Kasih. Jumlah suri rumah yang layak berusia 55 tahun ke bawah dianggarkan seramai 3 juta orang,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media Majlis Penyerahan Faedah SKSSR Kepada Waris Suri Rumah Berinsurans (SRB) di Wisma Perkeso di sini, semalam.

Harian Metro
17/1/2023
10/20/